

# Tidak wajar bawa tarekat sesat ke Malaysia

**ALOR SETAR** Kerajaan disaran lebih tegas menyekat penularan tarekat Naqsyabandiah termasuk kehadiran pemimpinnya ke negara ini dengan apa cara sekalipun.

Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kedah, Prof Madya Dr Abd Aziz Hanafi berkata, mana-mana individu yang dikenal pasti sebagai pengikut atau penyebar ajaran se-

Insaniah, Jumaat depan.

“Shaykh Muhammad Hisham Kabbani diketahui umum sebagai pengikut atau orang kanan kepada Syeikh Nazim Al-Haqqani, yang mengamalkan ajaran tarekat sesat iaitu tarekat Naqsyabandiah, yang diharamkan Majlis Fatwa Kebangsaan,” katanya.

Beliau berkata demikian an diminta mengulas kehadiran Shaykh Muhammad Hisham Kabbani melibatkan satu majlis gema zikir dan qasidah di Dewan Besar Sultan Abdul Halim, Kolej Universiti

an pengikut ajaran itu kerana dibimbangi boleh mengelirukan akidah umat Islam.

“Tidak wajar bawa beliau ke negara ini, dan tidak perlu benarkan beliau adakan ceramah. Jika beliau berhajat akan ceramah atau program, kita cadangkan bertaupilihnya gara lain,” katanya.

Abd Aziz yang juga Pensyarah Kanan Kultiyyah Syariah Kolej Universiti

Insaniah (Kuin) berkata, semua pihak wajar mengikut ketetapan yang dibuat Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2000, yang memutuskan tarikat itu adalah sesat.

“Kita ikut keputusan yang telah diwartakan, ini penting untuk elak timbul kekeliruan dan keraguan berkaitan fahaman dan ajaran yang dibawa oleh pengikut mereka,” katanya.



ABD AZIZ